

# MRT Corp serah pakej jejambat

**M**ASS Rapid Transit Corporation (MRT Corp) menyerahkan dua lagi pakej pembinaan jejambat projek MyRapid Transit (MRT) bernilai RM1.68 billion susulan perjumpaan Jawatankuasa Pemerolehan Sehenti (OSTC) di Putrajaya, semalam.

MRT Corp dalam satu kenyataan berkata, pakej V2

dan V3 masing-masing diperolehi Gadang Engineering (M) Sdn Bhd dan Mudajaya Corporation Bhd bagi membangunkan projek jejambat dan kerja berkaitan.

“Pakej V2 membabitkan pembinaan dan menyiapkan landasan MRT dan kerja berkaitan dari Stesen Kota Damansara ke Dataran Sunway, manakala V3 mem-

babitkan pembinaan dari Stesen Dataran Sunway ke Seksyen 17 di Petaling Jaya,” katanya.

OSTC dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

MRT berkata, pakej V8 membabitkan pembinaan jejambat dan kerja berkaitan dari Stesen Taman Mesra ke Kajang belum diumumkan.